

Petronas tak campur tangan projek

PETRONAS tidak pernah campur tangan dalam urusan antara kontraktor utama dengan subkontraktor projek Universiti Teknologi Petronas (UTP) di Tronoh, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, Petronas menawarkan kontrak pembinaan UTP kepada beberapa kontraktor utama mengikut proses pemilihan yang digunakan oleh perbadanan minyak dan gas itu sendiri.

Beliau berkata, kontraktor utama berkenaan kemudian dibenarkan pula untuk melantik beberapa subkontraktor lain bagi melaksanakan pakej projek bagi pihak mereka.

Abdullah berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan Fong Po Kuan (DAP-Batu Gajah) yang memintanya sama ada Petronas akan membantu menyelesaikan masalah subkontraktor projek UTP yang masih belum dibayar kontraktor utama, membabitkan tuntutan RM2 juta.

Perdana Menteri yang juga Menteri "Kewangan berkata, Petronas sentiasa memberi ruang untuk mendengar masalah ditimbulkan subkontraktor projek berkenaan walaupun pada hakikatnya ia antara kontraktor utama dengan subkontraktor.

UTP ditubuhkan pada Julai 1995 di tapak seluas ,400 hektar di Bandar Seri Iskandar. Perak dan menawarkan pelbagai kursus berasaskan kejuruteraan serta tekno-

logi, pada peringkat ijazah ataupun kedoktoran.

Institusi itu memulakan sesi akademik, pertamanya dengan pengambilan 65 pelajar pada Julai 1995 di Pusat Latihan Pengurusan Petronas (Permata) di Bangi.

Ketika itu, ia menggunakan kemudahan makmal Universal Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), sebelum berpindah ke kampus utamanya di Perak pada Julai 1996.